

Pak Lah mahu MU datang KL

BH - 12/5/2007.

Kita percaya ia boleh jadi tarikan kepada ramai peminat United: PM

Oleh Ahmad Khawari Isa dan Rohaniza Idris

BAHANG desakan supaya Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) melupakan tentangan terhadap kunjungan juara Liga Perdana Inggeris, Manchester United ke Malaysia, Julai nanti, kian hangat terasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam, meluahkan hasrat supaya penganjur lawatan United itu tidak membatalkannya kerana ia adalah kehendak kerajaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 2007).

"Kita nak pasukan Manchester United buat lawatan ke sini kerana TMM 2007. Kalau ada pasukan ini

nak main di Kuala Lumpur, banyak peminat yang ada di rantau ini termasuk Singapura dan Thailand, mungkin nak datang.

"Memandangkan MU adalah pasukan handalan, kita percaya ia boleh jadi tarikan kepada ramai peminat MU," katanya dalam sidang media selepas berucap pada Hari Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Ia sekali gus tambah menghimpit AFC, terutama presidennya, Mohamed Hammam, yang sebelumnya menekan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) supaya tidak memberi kebenaran untuk perlawanan di antara United dan Pilihan Malaysia, 27 Julai nanti.

Usaha mendapatkan reaksi segera AFC tidak berhasil kerana Hammam

dimaklumkan kini menghadiri Kongres Konfederasi Bola Sepak Concacaf di Kanada.

"AFC sedia maklum kenyataan oleh Perdana Menteri, tetapi Presiden AFC kini di Kanada untuk Kongres Concacaf. Kami akan hanya mengeluarkan kenyataan mengenainya dalam tempoh beberapa hari lagi," kata Penolong Setiausaha Agung AFC, Claire Kenny, yang juga penganjur komunikasi badan induk berkenaan.

Maklumat daripada FAM pula menyebut bahawa timbalan presiden, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, akan mengadakan sidang akhbar berkaitan isu itu, Isnin ini.

Kelmarin, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman, meminta AFC

menggugurkan tentangan itu dan menjanjikan sokongan penuh kerajaan terhadap promosi Kejohanan Piala Asia 2007 yang diadakan pada tempoh yang hampir sama, sebagai balasan.

Penganjuran Piala Asia adalah punca kekusutan itu kerana AFC, menerusi perjanjian dengan FAM, tidak membenarkan penganjuran sebarang perlawanan bola sepak ketika kejohanan itu berlangsung, 9 hingga 29 Julai nanti.

Hammam, ketika Kongres AFC Isnin lalu, yang turut dihadiri Presiden Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa), Sepp Blatter, meluahkan tentangan dengan berkata kunjungan United 'amat tidak beretika, tidak bermoral dan tidak boleh diterima.'

Apa yang menarik, Perlembagaan

Fifa tidak mewajibkan penganjuran itu mendapat pengiktirafan badan dunia mahupun AFC, kerana perlawanan pertunjukan sebegitu boleh dilangsungkan dengan hanya pengiktirafan daripada FAM.

Malah Persatuan Bola Sepak Jepun (JFA) - antara empat destinasi United dalam lawatan ke Asia selain Macau dan Korea Selatan - juga sudah memberi pengiktirafan perlawanan di antara United dan kelab Urawa Reds pada 17 Julai nanti.

Dengan kerajaan juga sudah menyatakan kesanggupan membantu memastikan kejayaan Piala Asia andainya kunjungan United terlaksana, AFC jelas kini kian kehilangan alasan untuk cuba bertegas dengan tentangan sebegitu.